



Sesi bergambar bersama peserta dan panel-panel jemputan selepas tamat sesi forum.

30 Jun 2018 – Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS, Kota Samarahan, Sarawak. Buat julung-julung kali pihak Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS (PPPU) menganjurkan program Success Secret Revealed kolaborasi bersama alumni Asasi UNIMAS di Dewan Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS. Tujuan program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar melalui perkongsian daripada panel-panel jemputan yang hebat serta bagi meraikan kemasukan baharu Asasi UNIMAS Sesi 18/19. Forum ini telah dihadiri seramai 88 orang pelajar baharu Asasi UNIMAS.

Program yang berkonsepkan forum ini telah menampilkan barisan panel-panel hebat dengan berlatarbelakangkan bidang pendidikan yang berbeza. Antara panel-panel tersebut ialah Cik Nurul Syahidah Bt Sanipansuri yang merupakan pelajar Dekan selama dua semester berturut-turut dan merupakan alumni Asasi UNIMAS pada Sesi 14/15, kini menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Perubatan di Universiti Malaysia Sarawak. Panel kedua ialah Puan Maybelline yang merupakan pensyarah Asasi UNIMAS dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sains. Panel ketiga ialah Cik Zurratul Aina Bt Mohd Zahidin yang merupakan alumni Asasi UNIMAS Sesi 15/16 dan kini menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Kognitif di Universiti Malaysia Sarawak.

Wesry.

11/07/2018

Prof Madya Dr Ramlah Zainudin
Dekan
Pusat Pengajian Pra-Universiti
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



Sesi forum bersama panel-panel jemputan yang berkaliber.

Pengarah program Success Secret Revealed, Cik Ainul Hayat Binti Mustafa Kamal yang merupakan alumni Asasi UNIMAS Sesi 13/14 mengatakan bahawa program ini merupakan salah satu inisiatif alumni Asasi untuk membantu pelajar ambilan baharu dengan perkongsian pengalaman dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai pelajar asasi dalam pengurusan akademik dan sahsiah diri. Antara aktiviti khusus yang dijalankan untuk pelajar adalah ujian personaliti diri untuk mengenalpasti karakter pelajar dalam cara belajar secara efektif dan pergaulan rakan sebaya.

Penganjuran program daripada pihak Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS yang disokong penuh oleh Dekan Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS iaitu Professor Madya Dr Ramlah menunjukkan bahawa program seperti program Success Secret Revealed amat bermanfaat kepada pelajar dan dapat memberikan pendedahan awal kepada pelajar Asasi UNIMAS. Pihak alumni Asasi UNIMAS amat menggalakkan kerjasama dengan pihak Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS pada masa akan datang dengan program yang lebih menarik.



Sesi soal jawab oleh pelajar Asasi UNIMAS kepada panel jemputan



Aktiviti berkumpulan iaitu ujian personaliti diri.